

Headline	EMPAT PRINSIP praktikal bebas hutang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	825,000
Page No	M6	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	737 cm ²
Journalist	Hajahfarhana Tarmudi	AdValue	RM 28,470
Frequency	Daily	PR Value	RM 85,410



EMPAT PRINSIP praktikal bebas hutang

Oleh Hajahfarhana Tarmudi
hajahfarhana@mediaprima.com.my

Panduan pengurusan kewangan memang banyak, malah kini ia boleh didapati dengan mudah dari Internet. Tepuk dada tanya hati, sama ada mahu mencontohnya atau tidak. Namun, bagi yang masih tercari-cari, rasanya catatan seorang penulis menerusi blognya, Mohd Zulkifli.com dalam isu hutang ini amat sesuai untuk dijadikan panduan.

Blog berkenaan berkongsi empat prinsip diamalkan penulis blog itu untuk menguruskan kewangan, mungkin membantu anda yang mahu membebaskan diri daripada hutang.

Antara prinsip yang dikongsi ialah:

1: Beli secara tunai.

Henti dan jauhkan segala urus niaga yang berkonsepkan ansuran, beli dulu bayar kemudian, skim bayaran mudah dan sebagainya. Jika terpaksa berhutang, itu maksudnya kita belum mampu membeli barangan berkenaan. Justeru, teruskan menyimpan hingga jumlah yang mahu digunakan mencukupi.

2: Hidup di bawah kemampuan, bukan ikut kemampuan.

Membeli mengikut keperluan, bukan kemampuan mahupun kemahuan. Tidak mengapa jika sekarang anda hanya mampu memiliki kereta murah. Lupakanlah dulu perkataan 'bergaya' dalam hidup buat sementara waktu hingga kita benar-benar mampu untuk bergaya.

Biar tidak bergaya, asalkan poket kita kaya. Jika ada barang yang bukan keperluan, lebih baik jual. Hidup sederhana buat sementara waktu.

Jika ketika ini kita melanggan siaran televisyen dengan pakej lengkap, cuba kurangkan rancangan yang dipilih atau hentikan saja langganan itu.

Sama juga, jika memiliki kereta besar, ubah gaya hidup itu dengan menggunakan kereta yang sederhana bayaran ansurannya, asalkan ia memenuhi keperluan seisi keluarga.

Selain itu, aktiviti memasak di rumah lebih baik berbanding membeli makanan di luar kerana ia lebih terjamin khasiat, kebersihan

dan menjimatkan.

Antara perkara yang boleh dipertimbangkan:

- Jual barang yang bukan keperluan
- Hentikan tabiat merokok (banyak boleh jimat!)
- Hentikan langganan rancangan televisyen atau tukar pakej lebih murah
- Masak sendiri, makan di rumah dan bawa bekal ke pejabat
- Pindah rumah yang lebih kecil atau sewa lebih murah (namun perlu melihat jumlah isi rumah)

3: Mulakan tabiat menyimpan walaupun sedikit.

Tidak mengapa jika jumlah wang yang disimpan itu sedikit, asalkan menyimpan. Kalau anda jenis orang tidak kuat disiplin, boleh buat potongan gaji ke akaun Tabung Haji. Menyimpan perlu dilakukan sebaik menerima wang gaji, bukan tunggu duit lebihan hujung bulan.

Setiap kali gaji naik, tambah potongan gaji ke Tabung Haji atau akaun simpanan. Jika tidak mampu, simpan RM20 sebulan atau RM2 sehari dan masukkan ke dalam tabung khas.

Jika menyimpan sendiri di rumah, masukkan wang terkumpul ini ke dalam akaun bank setiap hujung bulan. Ingat, biar sedikit tetapi mesti menyimpan.

4: Jana pendapatan kedua.

Babitkan diri dalam perniagaan, tetapi bukan berbentuk skim. Anggap gaji yang

diterima setiap bulan sebagai duit untuk sara hidup setiap bulan dan perniagaan sebagai sumber menambahkan simpanan.

Simpan 100 peratus hasil perniagaan dan jika mahu menggunakannya, jangan melebihi 50 peratus.

Duit hasil perniagaan memang terbukti mempercepatkan diri daripada bebas hutang. Pendapatan sampingan juga penting bagi menyokong gaji yang diterima setiap bulan selain ia berguna untuk menambahkan simpanan.